



Kod Tatakelakuan

NO. DOKUMEN: DBB/COC/001-03

NO. RUJUKAN: 03

TARIKH SEMAKAN SEMULA : 19 Februari 2025

Kod Tatakelakuan Duopharma Biotech Berhad ("DUOPHARMA BIOTECH") ini merupakan rujukan am untuk kegunaan di setiap negara di mana DUOPHARMA BIOTECH menjalankan operasi. Kod ini tidak menerangkan setiap undang-undang atau peraturan-peraturan terpakai, dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat perundangan. Kod ini juga tidak menghasilkan atau membentuk kontrak perkhidmatan. DUOPHARMA BIOTECH berhak untuk mengubah, meminda, membatalkan atau menyetepikan apa-apa polisi, prosedur, peraturan atau syarat tanpa sebarang notis ataupun pindaan kepada Kod ini. Memandangkan DUOPHARMA BIOTECH mempunyai operasi di pelbagai tempat, DUOPHARMA BIOTECH juga berhak untuk mengubah apa-apa peruntukan di bawah Kod ini bagi tujuan mengadaptasi kepada keperluan bidang kuasa tempatan, undang-undang tempatan dan juga situasi social tempatan.

KANDUNGAN

Bhg A	:	Pengenalan	1
Bhg B	:	Asas Kod Kami – Visi, Misi dan Nilai Pegangan	1
Part C	:	Tentang Kod	2
		1 Tujuan	2
		2 Keterterapan	2
		3 Pelaporan dan Kajian Semula	3
		4 Disiplin	4
Bhg D	:	Menjalankan Perniagaan dengan Integriti	5
		1 Menjalankan Perniagaan Secara Beretika, Adil dan dengan Jujur	5
		2 Mematuhi Undang-Undang	5
		3 Bekerja dengan Jujur Tanpa Kompromi	6
		3.1 Anti Rasuah dan Anti- Korupsi	6
		3.2 Percanggahan Kepentingan	7
		3.3 Hadiah, Hospitaliti dan Keraian	8
		3.4 Tajaan daripada Rakan-Rakan Niaga	10
		3.5 Derma Korporat dan Tajaan Luar	10
		3.6 Tajaan Politik	11
		3.7 Undang-Undang Persaingan	11
		3.8 Sekuriti dan Dagangan Dalaman	12
		4 Menyediakan Produk yang Berkualiti dan Selamat	13
		4.1 Inovasi, Kualiti dan Halal	13
		5 Melindungi Aset dan Maklumat Syarikat	13
		5.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi	13
		5.2 Kerahsiaan, Privasi dan Perlindungan Aset Syarikat	14
		5.3 Harta Intelek	15
		5.4 Komunikasi Berhemah	16
		6 Menyimpan Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat	17
		6.1 Dokumentasi dan Pemberian Kuasa yang Wajar	17
		6.2 Pengurusan Risiko	17
		6.3 Prosedur Perakaunan dan Perolehan	17
		6.4 Penyimpanan Rekod	18
		7 Menghormati Orang Lain di Tempat Kerja dan Masyarakat	18
		7.1 Amalan Pekerjaan yang Saksama dan Adil	18
		7.2 Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja	18
		7.3 Pencegahan dan Pembanterasan Penyalahgunaan Dadah, Arak dan Bahan	19
		7.4 Jejak Karbon	19
		7.5 Tanggungjawab Sosial Korporat	20
		7.6 Hak Pekerja	21

“ Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong”

BAHAGIAN A: PENGENALAN

Lembaga Pengarah Duopharma Biotech Berhad (“**Duopharma Biotech**”) komited kepada peranannya untuk menzahirkan budaya korporat berasaskan tatalaku beretika yang meresap ke seluruh organisasi Duopharma Biotech dan anak-anak syarikatnya (“**Duopharma Biotech**” atau “**Kumpulan**”). Ini termasuk menerapkan amalan terbaik dari segi tadbir urus korporat dan mematuhi piawaian tinggi dari segi kelakuan dan integriti di dalam perniagaan dan aktiviti-aktiviti, termasuk urusan dengan rakan-rakan niaga, pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal dan lain-lain pihak berkepentingan, dan juga dalam masyarakat dan persekitaran di mana Duopharma Biotech beroperasi.

Duopharma Biotech mengamalkan Kod Tatakelakuan ini sebagai kod rasmi melambangkan keiltizaman terhadap nilai-nilai etika dan standad tatakelakuan yang diharapkan. Kod ini berasaskan dan juga merupakan tambahan kepada visi, misi dan nilai-nilai teras Duopharma Biotech; merangkumkan beberapa prinsip yang terkandung di dalam lain-lain polisi yang diamalkan oleh Kumpulan; dan memberi panduan kepada kakitangan Duopharma Biotech dan juga mereka yang terkesan dengan Kod ini tentang cara mengaplikasikan nilai-nilai teras Duopharma Biotech dalam menjalankan perniagaan dan aktiviti. Duopharma Biotech beriltizam untuk memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman secara progresif untuk menyokong, mempromosikan dan memastikan pematuhan terhadap Kod ini.

Setiap kakitangan Duopharma Biotech mempunyai peranan untuk membolehkan Duopharma Biotech mencapai prestasi yang mampan dan menyalurkan nilai baik kepada pelanggan-pelanggan, pemegang-pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan tanpa menjejaskan standad etika, nilai-nilai dan reputasi, dan juga menegakkan dan melaksanakan Kod ini. Setiap kakitangan Duopharma Biotech dikehendaki berkelakuan profesional dalam menjalankan tugas dan urusan mereka, dan mematuhi Kod ini.

Pegawai-pegawai, Kakitangan dan Pihak Berkepentingan Duopharma Biotech boleh mendapatkan versi penuh Kod ini di dalam saluran intranet dan juga di dalam laman web korporat.

BAHAGIAN B: ASAS KOD KAMI – VISI, MISI dan NILAI-NILAI DUOPHARMA BIOTECH

Visi Kami: *Menyediakan Solusi Bijak Untuk Hidup yang lebih Sihat*

Misi Kami : *Menjadi Kumpulan Kesihatan Terkemuka yang Menerajui Penyediaan Solusi yang Berkualiti dan Berinovasi*

Nilai-Nilai Teras Kami:
Our Core Values:

Passion – *Kami memberi inspirasi dan tenaga kepada setiap orang untuk menjadi yang terbaik*

Excellence – *Kami memberikan prestasi yang terbaik melalui solusi inovatif secara*

berterusan

Teamwork – *Kami Mencapai Kejayaan Bersama kerana Kami Bersatu.*

Integrity – *Kami berbangga untuk berurusan dengan jujur dan beretika.*

Responsible – *Kami Menghormati Amanah yang diberikan Dengan Cara Bertanggungjawab untuk Tindakan Kami.*

Respect - *Kami Menghormati Kelainan dan Niat-Niat Murni Sebagai Asas Untuk Mencapai Aspirasi Bersama*

BAHAGIAN C: TENTANG KOD TATAKELAKUAN

1. TUJUAN

Kod ini mengetengahkan standard-standard yang perlu dipatuhi oleh kakitangan Duopharma Biotech dalam berurusan antara satu sama lain, dengan rakan-rakan niaga, pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat secara amnya. Kod ini tidak terhad, dan Duopharma Biotech telah atau akan menyediakan polisi-polisi, prosedur-prosedur, arahan-arahan dan/atau garis panduan terperinci untuk menyokong, mempromosikan atau memastikan kepatuhan terhadap Kod kami ini. Kod ini hendaklah dibaca dan digunapakai bersama dengan polisi-polisi, prosedur-prosedur, arahan-arahan dan garis panduan tersebut.

2. Keterterapan

Kod ini terpakai untuk:

- Kakitangan (tetap, sementara dan kontrak) Duopharma Biotech, anak-anak syarikatnya dan syarikat affiliate, tanpa mengira lokasi pekerjaan)
- Setiap aktiviti perniagaan dan urusanniaga antara satu sama lain, penguatkuasa, pemegang saham, pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan; dan

Setiap Kakitangan Duopharma Biotech mestilah mematuhi dan mengikuti:

- Kod Tatakelakuan;
- Semua undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai;
- Lain-lain polisi, prosedur, arahan dan garis panduan Duopharma Biotech; dan
- Nilai-nilai teras Duopharma Biotech.

Kegagalan untuk mematuhi boleh dikenakan tindakan disiplin yang mungkin

berakhir dengan pembuangan pekerjaan dan/atau penamatan perkhidmatan dengan Duopharma Biotech. Sebagai tambahan, kakitangan Duopharma Biotech akan menanggung liabiliti sendiri, akibat tindakan mereka yang melanggar undang-undang.

Kakitangan Duopharma Biotech harus membiasakan diri dengan Kod Tatakelakuan ini dan setiap polisi, prosedur, arahan dan garis panduan Duopharma Biotech. Jika anda mendapati ada sebarang percanggahan atau ketidakselarasan di antara peruntukan Kod Tatakelakuan ini dan peruntukan mana-mana polisi, prosedur, arahan atau garis panduan Duopharma Biotech, anda hendaklah memberitahu penyelia anda dan juga Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan Duopharma Biotech secara berasingan. Sekiranya terdapat apa-apa persoalan tentang Kod Tatakelakuan ini dan gunapakainya, sila minta penjelasan dan pertolongan daripada penyelia anda ataupun Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan Duopharma Biotech.

Ketua Pengarah Kumpulan bertanggungjawab secara keseluruhannya ke atas Kod Tatakelakuan Duopharma Biotech. Ketua Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian rasmi ke atas kepatuhan dan keberkesanan Kod Tatakelakuan ini dan apa-apa hal yang timbul, dan melaporannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti dan juga Ketua Pengarah Kumpulan.

Bagaimana Hendak Menangani Isu-Isu yang diragui Kewajarannya?

Jika berdepan dengan suatu situasi atau kelakuan yang diragui kewajarannya, anda boleh bertanyakan soalan-soalan berikut:

- *Adakah ianya konsisten dengan Nilai-Nilai Teras dan polisi-polisi, prosedur-prosedur, arahan-arahan dan garis-garis panduan?*
- *Adakah saya selesa untuk memberitahu Kakitangan dan rakan-rakan?*
- *Adakah kelihatan sesuai jika ianya disiarkan di televisyen atau radio, atau dicetak di dalam surat khabar atau media lain?*
- *Adakah ianya beretika dan menurut undang-undang?*

Ataupun rujuk kepada penyelia anda dan/atau Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan.

Setiap kakitangan hendaklah, sekiranya mempunyai keraguan terhadap sifat atau tujuan sesuatu urusan itu, merujuk kepada Ketua Jabatan Audit Dalaman dan Integriti yang akan memutuskan, samada secara bersama dengan Ketua Pengarah Kumpulan dan/atau Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan, atau mengikut kehendak beliau sendiri, tindakan susulan.

3. Pelaporan dan Kajian Semula

Kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan hendaklah melaporkan apa-apa

perlanggaran Kod ini.

Laporan sebarang pelanggaran Kod boleh dibuat kepada:

- (i) Ketua Jabatan; atau
- (ii) Ketua Pengarah Kumpulan;

ataupun berdasarkan Polisi Pemberian Maklumat Duopharma Biotech yang bertujuan untuk:

- (a) Menggalakkan kakitangan dan pihak berkepentingan Duopharma Biotech supaya yakin untuk menyuarakan kebimbangan yang serius;
- (b) Mengadakan suatu saluran rasmi untuk kakitangan dan/atau pihak berkepentingan Duopharma Biotech untuk mengetengahkan kebimbangan dan menerima maklumbalas tentang tindakan yang diambil;
- (c) Memastikan individu-individu yang bertanggungjawab ke atas apa-apa salah laku akan ditangani sewajarnya;
- (d) Memastikan kakitangan dan/atau pihak berkepentingan Duopharma Biotech mendapat respons tentang kebimbangan mereka dan memastikan bahawa mereka tahu bagaimana untuk bertindak sekiranya tidak berpuashati dengan respons yang diberi; dan
- (e) Untuk meyakinkan mereka bahawa mereka terpelihara daripada sebarang tindakan balas sekiranya laporan pemberian maklumat yang dibuat dengan niat baik dengan kepercayaan yang munasabah bahawa maklumat dan tuduhan tersebut adalah benar.

Apa-apa pindaan kepada Kod ini mestilah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan Duopharma Biotech dan disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti. Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan akan mengkaji semula Kod Tatakelakuan ini setiap tiga tahun atau lebih awal jika diputuskan oleh Ketua Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti.

Sila rujuk juga kepada Polisi Pemberian Maklumat Duopharma Biotech.

4. Disiplin

Pemeliharaan disiplin dan tingkah laku yang baik di kalangan Kakitangan Duopharma Biotech adalah penting dalam menjalankan perniagaan, dan untuk kebaikan sejagat Duopharma Biotech dan pihak berkepentingan.

Istilah “salahlaku” bermaksud tingkah laku atau tindakan berhubung dengan tugas atau kerja yang tidak wajar, yang bercanggahan dengan tanggungjawab dan obligasi kepada Duopharma Biotech. Ia termasuk pelanggaran disiplin atau Kod Tatakelakuan atau peraturan-peraturan yang terkandung di dalam apa-apa buku panduan, polisi, garis panduan atau kenyataan prosedur atau apa-apa dokumentasi Duopharma Biotech.

Bergantung kepada keperluan undang-undang terpakai, tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang tertakluk kepada Kod Tatakelakuan ini untuk salah laku atau pelanggaran undang-undang, peraturan-peraturan, polisi-polisi dan prosedur-prosedur.

Sila rujuk juga kepada Buku Panduan Kakitangan Duopharma Biotech, Seksyen Kakitangan dan Hubungan Industri.

BAHAGIAN D: MENJALANKAN PERNIAGAAN DENGAN INTEGRITI

1. Menjalankan Perniagaan secara Beretika, Saksama dan dengan Jujur

Duopharma Biotech hendaklah menjalankan perniagaan secara beretika, saksama, dengan jujur dan berintegriti. Duopharma Biotech dan Kakitangan Duopharma Biotech tidak boleh menggunakan kelebihan yang tidak adil terhadap mana-mana orang, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyertai kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang – contohnya, kelakuan yang mengelirukan atau penipuan, memberi gambaran salah dan pengaruh tidak wajar, dan juga kelakuan yang tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak beretika. Amalan korupsi tidak boleh diterima dan dilarang sekerasnya.

Sila rujuk juga kepada Polisi Etika Perniagaan Duopharma Biotech.

Kakitangan Duopharma Biotech juga hendaklah mematuhi dan menegakkan setiap ikrar atau akujanji yang dibuat oleh Duopharma Biotech kepada mana-mana organisasi, institusi atau pihak (sama ada organisasi berkaitan kerajaan atau bukan berkaitan kerajaan dan sama ada dibuat secara sukarela atau untuk mematuhi kehendak statutori) berhubung dengan penjalanan perniagaan secara beretika dan berintegriti.

2. Mematuhi Undang-Undang

Aktiviti-aktiviti dan perniagaan Duopharma Biotech adalah aktiviti-aktiviti dan perniagaan yang dikawal selia. Pematuhan pengawalseliaan bermakna mematuhi semua undang-undang, undang-undang kecil, ordinans, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, arahan-arahan, syarat-syarat lesen/permit, kod-kod, piawaian-piawaian dan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian dan kontrak.

Kakitangan Duopharma Biotech hendaklah membiasakan diri mereka dengan undang-undang, undang-undang kecil, ordinans, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, arahan-arahan, syarat-syarat lesen/permit, kod-kod, piawaian dan terma dan syarat perjanjian dan kontrak yang berkenaan dengan fungsi dan peranan perniagaan mereka, tugas dan fungsi. Kakitangan Duopharma Biotech

mestilah patuh kepada obligasi regulatori di wilayah Duopharma Biotech beroperasi.

Kegagalan untuk mematuhi boleh menjejaskan operasi perniagaan Duopharma Biotech dan mendatangkan tindakan undang-undang, pengenaan denda, penalti, balasan ganti rugi dan kerugian kepada Duopharma Biotech, dan juga pembuangan kerja atau penamatan perkhidmatan, atau penjara untuk kakitangan Duopharma Biotech.

3. Bekerja dengan Jujur Tanpa Kompromi

3.1 Polisi Anti- Rasuah dan Anti-Korupsi

Rasuah dan Korupsi

Rasuah ialah tawaran langsung atau tidak langsung untuk memberi atau menerima suapan atau apa-apa yang bernilai dengan niat mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu manfaat perdagangan, seperti mendapatkan urusanniaga baru, menyambung urusanniaga yang sedia ada atau untuk mendapatkan apa-apa kelebihan yang tidak wajar.

Tanggungjawab Kakitangan

1) Berkelakuan Jujur dan dengan Integriti dalam setiap Urusniaga

Segala bentuk rasuah adalah dilarang. Kakitangan Duopharma Biotech tidak dibenarkan memberi, menawar atau menerima rasuah, sogokan, bayaran-bayaran korup, bayaran pemudah cara, atau hadiah-hadiah yang tidak wajar kepada atau daripada Pegawai-Pegawai Kerajaan atau mana-mana entiti atau individu, tanpa menghiraukan amalan atau adat istiadat tempatan.

Larangan ini terpakai terhadap setiap kakitangan, kontraktor-kontraktor, konsultan-konsultan dan sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak Syarikat dalam berurusan dengan orang yang memohon pekerjaan, klien-klien (prospektif atau sedia ada), pembekal-pembekal, rakan-rakan niaga dan sesiapa sahaja yang mereka bertemu dalam menjalankan pekerjaan/perkhidmatan.

2) Menilai dan Memberi Respons kepada Risiko Korupsi

Setiap Kakitangan perlu memahami Kod Tatakelakuan ini dan dan membuat penilaian tentang impaknya terhadap tanggungjawab mereka. Dalam melakukan sedemikian, mereka harus:

- Membuat penilaian tentang risiko korupsi yang boleh

membawa kesan terhadap bidang tugas dan tanggungjawab mereka;

- Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelak risiko tersebut; dan
- Menangani korupsi atau isu tidak beretika tersebut dengan cara yang wajar, sekiranya ia timbul.

Risiko korupsi perlu dinilai secara berterusan di dalam setiap bidang perniagaan dengan cara pelaporan risiko yang wajar, menetapkan pelan mitigasi risiko dan juga sistem kawalan dalaman. Pelan pemantauan hendaklah ditetapkan dan diberi keutamaan berdasarkan penarafan risiko.

3) Memberitahu Tentang Apa-apa Pelanggaran Polisi

Mana-mana Kakitangan yang mengetahui tentang kemungkinan pelanggaran undang-undang terpakai atau Kod ini perlu melaporkan sebarang kebimbangan mereka dengan kadar segera menurut Polisi Pemberian Maklumat.

Sesiapa yang membuat laporan tentang kemungkinan pelanggaran undang-undang terpakai, polisi-polisi dan/atau Kod Tatakelakuan ini akan dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan balas. Kakitangan, penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus harus melaporkan pelanggaran undang-undang pencegahan rasuah dan Kod ini jika disyaki dengan serta merta kepada Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan atau melalui apa-apa saluran wajar yang lain, dan boleh melaporkannya tanpa menyatakan nama.

Sila rujuk juga kepada Polisi Anti-Rasuah dan Anti-korupsi Duopharma Biotech.

3.2 Percanggahan Kepentingan

Suatu percanggahan kepentingan timbul apabila kegiatan atau perhubungan peribadi seorang kakitangan mengganggu keobjektifan mereka dalam melakukan sesuatu untuk kepentingan Syarikat. Percanggahan kepentingan, sama ada yang nyata, berkemungkinan mahupun yang dilihat pada pandangan kasar, boleh mendatangkan akibat yang serius kepada kakitangan Syarikat. Percanggahan kepentingan boleh timbul dalam secara situasi langsung atau tidak langsung. Kakitangan Duopharma Biotech dikehendaki menjauhi situasi percanggahan kepentingan dengan tekun.

Kakitangan Duopharma Biotech mestilah mengisytiharkan apa-apa kegiatan luar, kepentingan kewangan atau perhubungan yang mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan sama ada yang nyata,

berkemungkinan atau diamati. Pengisytiharan hendaklah dibuat kepada Ketua Jabatan dan seterusnya dikomunikasikan kepada Ketua Pengurusan Risiko dan Integriti Kumpulan. Kelulusan/sokongan Ketua Pengarah Urusan hendaklah diperolehi sebelum menerima apa-apa jawatan sama ada sebagai pegawai atau pengarah dalam sesuatu perniagaan luar daripada Syarikat. Dalam apa jua situasi, Ketua Jabatan boleh memutuskan untuk merujuk kepada Ketua Pengarah Kumpulan sebelum memberikan kelulusan.

Kakitangan Duopharma Biotech mestilah memberitahu pihak pengurusan sebelum menerima jawatan pengarah mana-mana lembaga pengarah organisasi kebajikan, pendidikan, atau lain-lain organisasi tidak berasaskan keuntungan. Penerimaan jawatan pengarah tanpa kelulusan terdahulu daripada Ketua Jabatan dan Ketua Pengarah Kumpulan adalah suatu salah laku.

Kakitangan Duopharma Biotech mestilah mengemaskini secara berkala, berhubungan dengan apa-apa aktiviti yang telah diisytiharkan menurut prinsip ini sebelum ini kepada Ketua Jabatan.

Setiap kakitangan hendaklah mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan. Walaupun mustahil untuk menyatakan setiap hal keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul, berikut ialah beberapa contoh:-

Tanpa kebenaran bertulis dan pengisytiharan kepentingan, kakitangan dilarang:-

- a) Bekerja sebagai kakitangan, pemilik atau pengarah syarikat atau perkongsian lain
- b) Mempunyai kepentingan di dalam organisasi lain yang mempunyai urusaniaga dengan Syarikat
- c) Menjual atau menyewa harta, perkhidmatan atau kelengkapan kepada Syarikat
- d) Melibatkan diri dengan apa-apa perniagaan atau aktiviti-aktiviti lain, contohnya jualan langsung untuk keuntungan atau kelebihan
- e) Berceramah di dalam forum awam tentang perkara-perkara berkaitan dengan perniagaan tanpa kebenaran terdahulu daripada Ketua Jabatan. Ahli Kumpulan Pengurusan teratas dan Ketua Pengarah Kumpulan hendaklah diberikan salinan permohonan dan kelulusan yang diberikan.

Berkhidmat sebagai pengarah, konsultan atau ejen kepada pesaing Syarikat, termasuk syarikat pemasaran bertingkat merupakan salah laku yang serius dan dilarang sekerasnya.

Sila rujuk juga kepada Polisi Percanggahan Kepentingan

3.3 Hadiah, Hospitaliti dan Keraian

Kebertanggungjawaban

Kakitangan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kelakuan mereka menepati standad yang ditetapkan. Mereka meletakkan kepentingan Duopharma Biotech di atas kepentingan mereka sendiri dalam menjalankan tugas. Ini termasuk membuat pengisytiharan untuk setiap tawaran hadiah menurut Kod ini dan menolak hadiah-hadiah yang dilarang (rujukan kepada Seksyen 8 – Hadiah-Hadiah/Hospitaliti Terlarang). Pengerusi, Ketua Pengarah Kumpulan dan Kakitangan yang mempunyai orang bawahan bertanggungjawab untuk mengambil tahu, dan memantau risiko-risiko yang wujud dalam tugas dan fungsi jabatan mereka. Mereka hendaklah menjadi contoh amalan baik dan mempromosi Kod ini dan prosedur-prosedur yang berkaitan.

Bidang Tumpuan

Duopharma Biotech mengakui bahawa adalah perkara biasa untuk kakitangannya, pelanggan-pelanggannya, pembekal-pembekalnya dan lain-lain rakan niaganya untuk bertukar-tukar hadiah pada waktu-waktu tertentu, yang kebiasaannya bersifat promosi. Hadiah boleh ditakrifkan sebagai apa-apa jenis faedah yang diberikan kepada seseorang sebagai tanda penghargaan atau dalam situasi yang berkaitan dengan budaya, tanpa sebarang mengharap apa-apa balasan. Hadiah-hadiah yang diterima atau diberi adalah “hadiah” apabila tiada apa-apa ikatan terhadap pemberi atau penerima. Dalam erti kata lain, tidak wujud sebarang timbal balik. Wang tunai dan hadiah yang mempunyai nilai wang (contohnya baucar membeli-belah) adalah dilarang.

“Hospitaliti” ialah sambutan dan layanan baik yang diberikan kepada tetamu. Ia termasuk hidangan makanan, minuman, kemudahan perjalanan, penginapan, acara atau aktiviti (contohnya, acara atau aktiviti sukan, sosial, industri, seni, hiburan atau lain-lain). Hospitaliti yang diberikan haruslah bersifat sederhana, dan tidak akan menimbulkan percanggahan kepentingan.

Keraian dalam menjalankan perniagaan memainkan peranan penting untuk mengukuhkan hubungan kerja di antara rakan-rakan niaga. Selaras dengan itu, seseorang Pengarah, Pegawai dan/atau Kakitangan Duopharma Biotech boleh menerima atau memberi keraian yang ditawarkan untuk tujuan perniagaan yang sah, seperti membina nama baik perniagaan dan mempertingkatkan hubungan dengan pelanggan-pelanggan atau pembekal-pembekal. Khususnya, menerima atau memberi keraian hanya dibenarkan jika keraian tersebut berlaku hanya sekali-sekala, secara munasabahnyanya berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah, dan bukan diberikan sebagai dorongan atau sogokan untuk mendapatkan atau mengekalkan urusan niaga.

Sila rujuk juga kepada Polisi Hadiah dan Hospitaliti Duopharma Biotech.

Bayaran kepada Pihak Luar

Melainkan hal keadaan yang dijelaskan di dalam seksyen Hadiah dan Keraian di atas atau mana-mana pihak berkenaan atau menurut “Prinsip *Mexico City*”. Kakitangan Duopharma Biotech tidak dibenarkan untuk menawarkan atau membuat bayaran dalam bentuk tunai atau manfaat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak atau orang (termasuk tetapi tidak terhad kepada Pegawai Kerajaan, rakan-rakan niaga (contohnya pembekal-pembekal dan pelanggan-pelanggan) atau suami/isteri, tanggungan atau Kakitangan Duopharma Biotech sebagai cubaan untuk mempengaruhi mereka dalam urusan niaga perniagaan mereka dengan mana-mana ahli Duopharma Biotech.

Sila rujuk juga kepada Polisi Anti Rasuah dan Anti Korupsi Duopharma Biotech.

3.4 Tajaan daripada Rakan-Rakan Niaga

Sebarang penajaan yang diterima secara langsung oleh ahli Syarikat/Kelab Sukan dan Rekreasi Duopharma Biotech (“PETIRR DBB”) mestilah dipantau pematuhannya oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Integriti atau Wakil Integriti di mana-mana pejabat serantau, dan mesti dikeluarkan resit dan dilaporkan menurut prosedur yang digariskan di dalam Polisi Tajaan.

Kelulusan bertulis perlu diperolehi daripada pihak berkuasa melulus tertinggi di dalam Syarikat sebelum menyerahkan permohonan tajaan kepada rakan-rakan niaga.

Sila rujuk juga kepada Polisi Tajaan Duopharma Biotech.

3.5 Derma Korporat dan Tajaan Luar

Sumbangan kepada tabung derma dan tajaan luar haruslah sejajar dengan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat, Kod Tatakelakuan dan lain-lain polisi yang dipakai oleh Syarikat.

Syarikat tidak akan membuat sebarang tajaan kepada organisasi-organisasi, individu-individu atau pihak-pihak berkaitan yang:-

- Terlibat dengan apa-apa hal berkaitan dengan perancangan, pengawasan atau perundangan Syarikat
- Terlibat dengan bidang politik (contohnya parti-parti, individu-individu atau sekutu-sekutu politik)
- Terlibat atau berhubungkait dengan produk-produk atau perkhidmatan berkaitan dengan pornografi, senjata api, nuklear, pemerdagangan

manusia atau haiwan, perjudian, yang boleh mendatangkan kesan negatif secara amnya.

Sila rujuk juga kepada Polisi Derma dan Tajaan Luar Duopharma Biotech.

3.6 Tajaan Politik

Duopharma Biotech memegang polisi untuk tidak membenarkan atau menggalakkan kakitangan Syarikat untuk memberi atau terlibat dengan tajaan politik untuk membiayai atau melawan parti-parti, individu-individu atau sekutu-sekutu politik.

Sila rujuk juga kepada Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi Duopharma Biotech.

3.7 Undang-Undang Persaingan

Kakitangan Duopharma Biotech mesti mematuhi apa-apa undang-undang persaingan yang terpakai. Kakitangan Duopharma Biotech mesti berusaha untuk mematuhi dan menjalankan operasi menurut setiap undang-undang yang bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan persaingan bebas dan adil.

Kakitangan Duopharma Biotech harus membiasakan diri mereka dengan setiap garis panduan, polisi, buku panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Duopharma Biotech yang berhubung dengan pematuhan undang-undang persaingan terpakai, dan mematuhi. Pelanggaran sebarang undang-undang tersebut boleh mendatangkan penalti, tindakan undang-undang oleh pihak yang terkilan dan mengakibatkan kerosakan terhadap reputasi Duopharma Biotech. Di bawah adalah peruntukan-peruntukan utama yang perlu dipatuhi dalam hal ini, walaupun tidak terhad setakat itu sahaja.

Peruntukan-Peruntukan Utama

Kakitangan Duopharma Biotech tidak boleh bercakap atau berkongsi maklumat (secara langsung atau tidak langsung) dengan pesaing-pesaing untuk menetapkan harga, terma-terma jualan dan jumlah pengeluaran, membahagi-bahagikan pasaran, pelanggan-pelanggan atau kawasan pemasaran, atau pun memboikot mana-mana pelanggan.

Kakitangan Duopharma Biotech tidak sepatutnya terlibat di dalam apa-apa perbincangan tentang penetapan harga, kos, untung, terma urusniaga, rancangan pemasaran dan pengedaran, atau pelancaran produk baru dengan pesaing-pesaing ataupun persatuan perdagangan.

Dalam berhubung atau berkomunikasi dengan pelanggan-pelanggan Duopharma Biotech, tindakan-tindakan berikut adalah dilarang:

- a) Mendedahkan terma-terma komersial sesuatu pelanggan kepada pelanggan yang lain;
 - b) Memberikan maklumat komersial yang sensitif kepada pesaing-pesaing menerusi pelanggan;
 - c) Meletakkan syarat-syarat jualan yang mengetepikan produk-produk bersaing atau menghadkan skop penjualan semula oleh pelanggan-pelanggan;
 - d) Menetapkan harga penjualan semula;
 - e) Memaksa pelanggan membeli produk-produk lain yang tidak berkaitan dengan produk-produk yang dibeli atau diminta (amalan mengikat kontrak)
 - f) Enggan membekal produk-produk kepada pelanggan tanpa alasan yang objektif
 - g) Menjual barangan pada harga yang terlalu rendah dan menghalang pesaing baru atau memaksa pesaing sedia ada keluar daripada pasaran
 - h) Mengenakan harga atau terma jualan berbeza ke atas pelanggan-pelanggan dalam urusanniaga yang serupa tanpa alasan yang objektif
- Jika mana-mana hal yang terlarang di atas atau apa-apa lagi hal komersial yang sensitif diketengahkan atau dibincangkan di dalam apa-apa mesyuarat badan perdagangan atau mesyuarat di antara pesaing-pesaing (sama ada rasmi atau tidak), Kakitangan Duopharma Biotech mesti dengan serta merta membantah dan meninggalkan mesyuarat tersebut.
 - Kakitangan Duopharma Biotech tidak boleh mengadakan apa-apa perjanjian eksklusif bagi pihak Duopharma Biotech dengan mana-mana pelanggan atau pembekal melainkan perjanjian tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Duopharma Biotech.
 - Kakitangan Duopharma Biotech perlu mengelak penggunaan bahasa yang komersial sensitif dalam setiap komunikasi dalaman dan luaran. Contohnya, frasa-frasa seperti “dominan di dalam pasaran”, “membunuh pesaing”, “memaksa pesaing keluar daripada pasaran”, “menghalang pesaing daripada memasuki pasaran” atau yang membayangkan dalam apa jua cara pun bahawa Duopharma Biotech tidak mematuhi mana-mana undang-undang atau bertindak menyalahi undang-undang.

Sila rujuk juga kepada Polisi dan Buku Panduan Pematuhan Undang-Undang Persaingan Duopharma Biotech.

3.8 Sekuriti dan Dagangan Dalaman

Berhubung dengan urusanniaga saham atau sekuriti Duopharma Biotech, atau mana-mana syarikat berhad yang tersenarai dan mempunyai kaitan dengan Duopharma Biotech, beberapa sekatan telah ditetapkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, termasuk Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan juga syarat-syarat penyenaraian oleh mana-mana bursa saham di mana saham atau sekuriti ahli Duopharma Biotech disenaraikan atau didagangkan. Kakitangan Duopharma Biotech yang

mempunyai akses kepada maklumat harga sensitif yang belum diterbitkan mesti mengelak daripada melakukan “Dagangan Dalam” dan juga mengelak daripada inferens yang memudaratkan dengan menjalankan transaksi yang tidak adil. Pelanggaran undang-undang dagangan dalam boleh mendatangkan tuduhan jenayah terhadap Kakitangan Duopharma Biotech yang melanggarnya.

4. Menyediakan Produk-Produk yang Berkualiti dan Selamat

4.1 Inovasi, Kualiti dan Halal

Duopharma Biotech komited untuk menyumbang kepada masyarakat dengan membekalkan produk-produk berkualiti tinggi dan pada masa yang sama mencipta nilai untuk pihak berkepentingan. Bagi tujuan ini, Duopharma Biotech sangat komited kepada Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan berazam untuk mencapai Kepuasan Pelanggan Menyeluruh di samping menempa nama sebagai pembekal pilihan untuk produk-produk berkualiti, berinovasi, dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang, pada masa yang sama memenuhi segala kehendak kawal selia.

Duopharma Biotech juga menyedari bahawa di samping memberi jaminan kepada masyarakat Muslim, pensijilan halal juga memberi manfaat untuk semua lapisan masyarakat, kerana ia bermakna produk-produk tersebut memenuhi kehendak yang ketat dan mempunyai piawaian tinggi keselamatan, keberkesanan, kualiti dan kebersihan. Duopharma Biotech komited kepada pengeluaran, pengimpotan dan pengedaran produk-produk habis pakai yang memenuhi kehendak-kehendak pensijilan Halal oleh pihak berkuasa dan lain-lain badan kawal selia, dan sejajar dengan itu akan memastikan pengeluaran produk-produk tidak habis pakai juga mencapai piawaian yang sama dari segi keselamatan, keberkesanan, kualiti dan kebersihan. Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan-perniagaan dan operasi Duopharma Biotech, kakitangan Duopharma Biotech akan mematuhi secara berterusan setiap piawaian yang terpakai sepertimana ditetapkan oleh badan berkuasa pensijilan halal dan lain-lain badan kawal selia. Ini termasuk memenuhi kehendak-kehendak Zon Halal yang ditentukan dari semasa ke semasa masa di dalam premis-premis, kenderaan-kenderaan atau kawasan-kawasan operasi Duopharma Biotech.

Sila rujuk juga kepada Polisi Halal Duopharma Biotech.

5. Melindungi Aset dan Maklumat Syarikat

5.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Setiap komputer dan lain-lain kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi

Duopharma Biotech mesti dipelihara daripada kecurian, kerosakan dan salah guna. Duopharma Biotech tidak membenarkan penggunaan kemudahan ICT untuk hal-hal sensitif dan melanggar undang-undang, pencerobohan harta intelek, akses tidak dibenarkan, salah guna masa dan sumber Duopharma Biotech dan mendatangkan risiko terhadap integriti kemudahan ICT Duopharma Biotech.

Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai di negara-negara di mana Duopharma Biotech mempunyai operasi, Duopharma Biotech berhak untuk membuat pengawasan ke atas emel, penggunaan internet dan kandungan oleh setiap Kakitangan Duopharma Biotech yang menggunakan kemudahan ICT syarikat. Maklumat ini boleh diambil dan digunakan sebagai keterangan di dalam prosiding domestik dan juga mahkamah atau didedahkan kepada badan-badan berkuasa atau kawal selia, yang mana berkaitan.

Setiap Kakitangan Duopharma Biotech mesti menggunakan kemudahan ICT Duopharma Biotech dengan bertanggungjawab dan terutamanya untuk tujuan perniagaan yang ditentukan. Kemudahan ICT termasuklah akses kepada internet, intranet, perkhidmatan emel dan lain-lain perkakasan, perisian, sistem dan persisian.

Sila rujuk juga kepada Polisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Duopharma Biotech.

5.2 Kerahsiaan, Privasi dan Perlindungan Aset Syarikat

Duopharma Biotech menghargai dan melindungi setiap maklumat sulit, proprietary dan peribadi. Kakitangan Duopharma Biotech mungkin diberi atau mendapat akses kepada maklumat rahsia, hak milik atau peribadi daripada mana-mana ahli Duopharma Biotech atau pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal Duopharma Biotech atau lain-lain pihak/pihak berkepentingan.

Kakitangan Duopharma Biotech harus mengambil langkah-langkah untuk mengelak daripada pendedahan tanpa kebenaran, contohnya membenarkan akses sekuriti kepada rekod sulit syarikat. Kakitangan Duopharma Biotech tidak boleh menyampaikan atau mendedahkan maklumat rahsia, hak milik atau peribadi kepada pesaing-pesaing, pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal, konsultan-konsultan, pemberi perkhidmatan, persatuan pedagang atau lain-lain pihak ketiga melainkan penyampaian atau pendedahan tersebut dibenarkan oleh Duopharma Biotech dan suatu perjanjian ketakdedahan (atau perjanjian kerahsiaan) telah ditandatangani. Idea atau maklumat rahsia, hak milik atau peribadi yang diperolehi daripada pihak ketiga tidak boleh digunakan, diproses, didedah atau disampaikan melainkan dengan kebenaran pihak tersebut dan langkah-langkah perlindungan telah ditetapkan. Apa-apa maklumat rahsia, hak milik atau peribadi tidak boleh didedahkan atau dibincangkan di luar skop tujuan pemberian maklumat tersebut.

- Kakitangan Duopharma Biotech mesti memahami bahawa apa-apa pendedahan maklumat rahsia, hak milik atau peribadi yang menyalahi undang-undang ataupun tidak dibenarkan boleh mendatangkan kerugian dan/atau kemudaratan yang tidak dapat dipulihkan kepada Duopharma Biotech. Dalam kes-kes sebegini, Duopharma Biotech atau entiti Duopharma Biotech yang berkaitan boleh memulakan prosiding sivil dan jenayah terhadap pihak yang bersalah. Mana-mana kakitangan Duopharma Biotech yang didapati bersalah boleh dihadapkan dengan tindakan disiplin dan pembuangan kerja.
- Adalah penting juga bahawa maklumat rahsia, hak milik atau peribadi hanya didedahkan kepada lain-lain kakitangan Duopharma Biotech atas dasar perlu tahu.

Setiap kakitangan Duopharma Biotech mempunyai tanggungjawab untuk memelihara maklumat rahsia, hak milik dan peribadi secara berterusan, walaupun telah meninggalkan pekerjaan/perkhidmatan, melainkan pendedahan tersebut diperlukan oleh undang-undang, perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, atau mana-mana badan berkuasa kehakiman, kerajaan atau kawal selia.

Penggelapan harta milik Pegawai-Pegawai, kakitangan, pelanggan-pelanggan atau pembekal-pembekal Duopharma Biotech tidak akan ditoleransi. Sebarang penggelapan hendaklah dilaporkan dengan serta merta dan disiasat sepenuhnya. Tindakan disiplin dan/atau undang-undang akan diambil sewajarnya.

Di sebalik memahami pentingnya menghormati hak privasi individu, Duopharma Biotech juga komited untuk memastikan kepatuhan dengan keperluan-keperluan undang-undang terpakai berhubung dengan perlindungan data peribadi (contohnya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010). Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap kakitangan Duopharma Biotech untuk memudahkan Duopharma Biotech dalam pematuhan undang-undang tersebut dan Polisi Pematuhan Perlindungan Data Duopharma Biotech. Melanggar peruntukan-peruntukan undang-undang atau polisi tersebut boleh mendatangkan penalti terhadap Duopharma Biotech dan Kakitangan Duopharma Biotech, dan mendedahkan mereka kepada tindakan undang-undang oleh pihak-pihak yang teraniaya. Apa-apa pelanggaran juga berkemungkinan mendatangkan publisiti negatif.

Sila rujuk juga kepada Polisi Pematuhan Perlindungan Data Duopharma Biotech.

5.3 Harta Intelek

Harta Intelek bermaksud hak milik yang diperolehi daripada karya-karya minda yang terhasil daripada usaha-usaha intelek ataupun penemuan

dalam bidang perindustrian, saintifik, sastera dan artistik yang boleh dibangunkan, dikomersialkan dan dilindungi. Contoh-contoh harta intelek adalah termasuk paten, cap dagangan, hak cipta, reka bentuk perindustrian, rahsia perdagangan dan rahsia pengeluaran ("*know-how*"). Dari segi perakaunan, harta intelek dianggap sebagai aset tidak nyata. Peranan harta intelek dan pengurusannya adalah penting untuk merealisasikan visi dan misi Duopharma Biotech.

Duopharma Biotech telah memperolehi atau membangunkan harta intelek yang bernilai. Kakitangan Duopharma Biotech mempunyai tanggungjawab untuk melindungi aset-aset tersebut.

Duopharma Biotech memiliki hak harta intelek kepada setiap sesuatu yang dicipta atau dibangunkan oleh kakitangan Duopharma Biotech sepanjang tempoh mereka bekerja di Duopharma Biotech (contohnya laporan, kempen pengiklanan, laman web, perisian, produk, perkhidmatan, proses atau konsep, jenama, lagu dan lain lain.). Duopharma Biotech berhak ke atas penggunaan secara eksklusif karya-karya yang dicipta oleh kakitangan Duopharma Biotech, dan Duopharma Biotech boleh memerlukan kakitangan berkaitan untuk menyerahkan hak-hak, kepentingan-kepentingan dan manfaat ke atas karya-karya tersebut di seluruh dunia, termasuk melucutkan hak-hak moral ke atas karya-karya tersebut.

Duopharma Biotech komited untuk merumuskan, memantau dan menguatkuasakan proses-proses pembangunan, pemerolehan, perlindungan dan urus tadbir harta intelek di dalam Duopharma Biotech. Bagi tujuan mencapai objektif-objektif tersebut, suatu set proses telah diwujudkan dan dirangkumi di dalam Buku Panduan Harta Intelek yang memperincikan prosedur operasi standad. Buku Panduan Harta Intelek ini hendaklah dipatuhi oleh setiap kakitangan Duopharma Biotech.

Apa-apa pemerolehan, pelupusan, pemindahan, pelesenan atau pertikaian berhubung dengan harta intelek hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Kumpulan Duopharma Biotech untuk bantuan. Pemerolehan, penyelenggaraan, pelupusan, pemindahan atau pelesenan paten, cap dagangan, karya yang terpelihara hak cipta atau lain-lain harta intelek adalah tertakluk kepada kelulusan Pengurusan dan langkah-langkah perlindungan kontrak. Dalam apa hal pun, kakitangan Duopharma Biotech tidak seharusnya membuat sebarang kenyataan tentang pemilikan, kesahan, skop atau penguatkuasaan hak harta intelek tanpa penglibatan Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Kumpulan Duopharma Biotech.

Sila rujuk juga kepada Polisi dan Manual Harta Intelek Duopharma Biotech.

5.4 Komunikasi Berhemah

Kakitangan Duopharma Biotech tidak dibenarkan menyebarkan khabar

angin yang berniat jahat tentang mana-mana ahli Duopharma Biotech dan memberi gambaran salah kepada pihak luar tentang Duopharma Biotech.

Kakitangan Duopharma Biotech juga tidak boleh membuat kenyataan-kenyataan berunsur fitnah, hasutan atau menghina, dan dilarang daripada mencerooboh hak cipta atau apa-apa lagi hak melalui emel atau lain-lain kaedah komunikasi. Sebarang komunikasi sedemikian tidak dibenarkan oleh Duopharma Biotech, dan adalah di luar skop pekerjaan individu berkenaan. Duopharma Biotech tidak akan menanggung apa-apa liabiliti berhubung dengan komunikasi sedemikian, dan kakitangan yang bertanggungjawab akan menanggung liabiliti untuk apa-apa kemudaratan, penalti atau lain-lain lagi.

6. Menyimpan Rekod Perniagaan yang Lengkap dan Tepat

6.1 Dokumentasi dan Pemberian Kuasa yang Wajar

Syarikat menghendaki setiap urusanniaga perniagaan didokumentasikan sewajarnya. Syarikat mempunyai Had Kuasa (*"Limits of Authority"*) untuk mentadbir kuasa yang diperlukan dalam menjalankan perniagaan. Setiap kakitangan Duopharma Biotech harus memahami Had Kuasa ini dan mematuhi tanpa sebarang percubaan untuk memintasnya. Had Kuasa tersebut boleh didapati daripada Jabatan Kewangan Kumpulan atas dasar perlu tahu.

6.2 Pengurusan Risiko

Duopharma Biotech mengakui lingkungan risiko luas yang dihadapi oleh Syarikat bersama dengan peluang-peluang yang dicari dalam menjalankan perniagaan dan operasi. Adalah menjadi matlamat strategik Duopharma Biotech untuk mempunyai program pengurusan risiko yang berkesan dan sistem-sistem kawalan untuk menilai dan mengurangkan risiko-risiko tersebut, dan membolehkan Duopharma Biotech mencapai setiap matlamat perniagaan. Duopharma Biotech komited untuk membangunkan dan mengekalkan budaya pengurusan risiko di kalangan kakitangan Duopharma Biotech melalui kepimpinan, pendidikan, komunikasi dan perundingan supaya pendekatan berasaskan risiko diterapkan dengan berkesan di dalam proses-proses perniagaan dan operasi.

Sila rujuk juga kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Duopharma Biotech.

6.3 Prosedur-Prosedur Perakaunan dan Perolehan

Kakitangan Duopharma Biotech mesti mematuhi prosedur-prosedur perakaunan, kewangan dan perolehan yang ditetapkan, dan mematuhi kehendak-kehendak polisi kawalan dalaman, garis panduan dan prosedur

Duopharma Biotech. Setiap urusan niaga perlu direkodkan dengan tepat dan betul di dalam buku-buku perakaunan. Dana dan akaun di luar rekod adalah dilarang tegas.

Sila rujuk juga kepada Prosedur Operasi Standard Kewangan dan Perakaunan Duopharma Biotech dan Polisi dan Prosedur Perolehan Kumpulan Duopharma Biotech.

6.4 Penyimpanan Rekod

Kakitangan Duopharma Biotech dikehendaki untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan untuk penyimpanan rekod, berdasarkan jenis dokumen yang perlu disimpan. Walaubagaimanapun, amalan amnya adalah untuk menyimpan rekod selama 7 tahun.

7. Menghormati Orang Lain di Tempat Kerja dan Masyarakat

7.1 Amalan Perkerjaan yang Saksama dan Adil

Duopharma Biotech komited kepada prinsip peluang pekerjaan yang saksama untuk semua dan untuk menyediakan tempat pekerjaan bagi setiap kakitangan yang bebas diskriminasi dan gangguan. Setiap keputusan pekerjaan termasuk, tapi tidak terhad kepada pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, penggajian, manfaat, dan latihan adalah berdasarkan merit, kompetensi dan pengalaman, tanpa mengira bangsa, jantina, kewarganegaraan, agama, keupayaan dan status perkahwinan. Duopharma Biotech tidak akan menerima diskriminasi atau gangguan atas dasar sifat-sifat tersebut.

Duopharma Biotech Berhad menyokong dan menghormati pemeliharaan hak asasi manusia sejagat diiktiraf antarabangsa dan akan memastikan kami bebas daripada amalan penganiayaan hak asasi manusia. Oleh itu, kami menggalakkan pelaporan apa-apa insiden penganiayaan atau gangguan. Adalah menjadi polisi Duopharma Biotech Berhad untuk menyiasat laporan-laporan sedemikian dengan segera dan menyeluruh. Kami melarang tindakan balas terhadap mana-mana individu yang melaporkan diskriminasi atau gangguan atau terlibat di dalam penyiasatan aduan-aduan tersebut.

Sila rujuk juga kepada Polisi Kepelbagaian, Anti-Diskriminasi dan Anti-Gangguan Duopharma Biotech

7.2 Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja

Duopharma Biotech Berhad komited untuk menyediakan tempat kerja yang

sihat dan selamat untuk setiap kakitangan di seluruh operasi kami. Oleh itu, kami mengurus dan menangani risiko kecederaan atau kemalangan dengan meletakkan kawalan-kawalan, prosedur-prosedur keselamatan, penyelenggaraan berkala, dan langkah-langkah perlindungan di tempat kerja. Budaya keselamatan di kalangan kakitangan dipupuk melalui inisiatif-inisiatif keselamatan yang mendidik mereka tentang keselamatan kerja dan risiko, cara-cara untuk mengurus risiko, dan prosedur-prosedur kecemasan. Apa-apa kecederaan atau kemalangan yang menimpa kakitangan kami akan direkodkan untuk mengelaknya dimasa hadapan dan rawatan perubatan akan diberikan. Merokok adalah dilarang tegas di premis-premis Duopharma Biotech Berhad melainkan di beberapa kawasan yang ditentukan. Polisi ini juga terpakai untuk kontraktor-kontraktor kami dan lain-lain pihak berkepentingan. Kami menggalakkan kakitangan kami untuk menyuarakan sebarang kebimbangan mengenai keselamatan tanpa risau tentang tindakan balas.

Sila rujuk juga kepada Polisi Kemampanan dan Polisi Keselamatan Duopharma Biotech

7.3 Pencegahan dan Pembanterasan Penyalahgunaan Dadah, Arak dan Bahan

Duopharma Biotech memandang serius penggunaan dadah terlarang atau penyalahgunaan arak dan lain-lain bahan oleh kakitangan (dan kontraktor di tapak kerja) di tempat kerja. Tindakan wajar akan diambil terhadap sesiapa yang hadir di tempat kerja dalam keadaan di bawah pengaruh bahan-bahan terlarang, atau, didapati memiliki, mengedar atau menjual dadah terlarang di tempat kerja.

Sila rujuk juga kepada Polisi Pencegahan dan Pembanterasan Penyalahgunaan Dadah, Arak dan Bahan Duopharma Biotech.

7.4 Jejak Karbon

Duopharma Biotech Berhad berikrar untuk mewujudkan rantai bekalan yang mapan untuk seluruh operasi kami untuk mengurangkan jejak karbon. Adalah menjadi polisi kami untuk menyokong pendekatan pencegahan terhadap cabaran-cabaran alam sekitar yang disebabkan oleh operasi kami. Oleh itu, kami mengambil inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan kebertanggungjawapan terhadap alam sekitar dan pembangunan dan penggunaan teknologi-teknologi yang mesra alam sekitar dalam keseluruhan operasi kami.

Kami akan mencapai matlamat ini berdasarkan:

Tenaga

Kami mengukur dan menganalisa jejak karbon dalam aktiviti-aktiviti perniagaan kami sejajar dengan usaha-usaha mitigasi perubahan iklim dan penyesuaian. Kami komited untuk terus mempertingkatkan penggunaan tenaga yang efisien. Ini ditangani melalui pengambilan langkah-langkah penggunaan tenaga yang efisien di premis-premis kami dan juga menggalakkan penggunaan tenaga yang efisien di dalam setiap jenis aktiviti perniagaan. Kami berikrar untuk melabur di dalam teknologi-teknologi tenaga boleh diperbaharui untuk mengurangkan penggunaan tenaga kami. Kami memastikan bahawa kakitangan kami sedar tentang impak aktiviti-aktiviti kerja mereka kepada alam sekitar dan kami menggalakkan mereka untuk meringankan impak-impak tersebut melalui program latihan dan kesedaran.

Sisa Buangan

Kami mematuhi setiap peraturan-peraturan alam sekitar terpakai. Setiap permit, lesen, pendaftaran maklumat dan sekatan yang diperlukan akan diperolehi dan keperluan-keperluan operasi dan pelaporan dipatuhi. Kami mempunyai sistem-sistem untuk memastikan pengendalian selamat, pemindahan, peng storan, penggunaan dan pengkitaran semula atau pengurusan bahan sisa, emisi udara dan pelepasan sisa cecair. Apa-apa bahan sisa, sisa cecair atau emisi yang berpotensi untuk mendatangkan mudarat kepada kesihatan manusia atau alam sekitar akan ditangani dengan wajar, dikawal dan dirawat sebelum pelepasan ke dalam alam sekitar. Kami juga mempunyai sistem-sistem untuk menghalang dan memitigasi daripada pertumpahan dan pelepasan ke dalam alam sekitar tanpa sengaja.

Sila rujuk juga kepada Polisi Kemampanan dan Polisi Alam Sekitar Duopharma Biotech.

7.5 Tanggungjawab Sosial Korporat

Duopharma Biotech Berhad mengakui kepentingan menjadi organisasi yang bertanggungjawab terhadap pihak-pihak berkepentingan kami. Adalah menjadi polisi Duopharma Biotech Berhad untuk menjalankan operasi kami berlandaskan rangka-rangka kemampanan kerana kami berusaha untuk menjadi warganegara korporat yang dipercayai.

1. Kami komited untuk berinteraksi dan membina perhubungan dengan organisasi-organisasi tempatan sejajar dengan komitmen kami untuk menjalankan operasi dengan mapan. Ini dicapai dengan memupuk sifat kesukarelaan di kalangan kakitangan kami.
2. Kami komited untuk memastikan bahawa pihak-pihak berkepentingan kami diberi pendidikan melalui program-program kolaborasi.

3. Kami berusaha untuk menggalakkan inisiatif-inisiatif kemanusiaan di dalam operasi-operasi perniagaan kami.

Sila rujuk juga kepada Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat dan Polisi Kemampanan Duopharma Biotech.

7.6 Hak Pekerja

Duopharma Biotech Berhad komited untuk menegakkan hak pekerja dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat untuk semua pekerja disamping mematuhi undang-undang tempatan, piawaian antarabangsa, dan garis panduan dalaman yang sedia ada, dengan objektif keseluruhan untuk menyelaraskan piawaian tadbir urus dan tanggungjawab sosial yang tinggi yang diharapkan daripada sebuah organisasi.

Dengan ini, Polisi Hak Pekerja Duopharma ("Polisi") terpakai kepada semua pekerja, Lembaga Pengarah dan rakan niaga.

Tujuh Isu Utama berikut merupakan Dasar Polisi:

- Buruh Paksa dan Buruh Kanak-Kanak: Tiada toleransi terhadap perhambaan moden, termasuk buruh paksa dan buruh kanak-kanak.
- Kepelbagaian, Anti-Diskriminasi dan Anti-Gangguan: Komitmen terhadap peluang yang sama rata.
- Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif: Menghormati hak pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja dan terlibat dalam perundingan kolektif.
- Keselamatan dan Kesihatan: Keutamaan kepada persekitaran kerja yang selamat mengikut peraturan kesihatan.
- Gaji Adil, Faedah dan Jaminan Sosial: Jaminan imbuhan yang adil berdasarkan tanggungjawab kerja dan prestasi pekerja.
- Peningkatan Kemahiran dan Pendidikan: Komitmen terhadap pembangunan pekerja melalui latihan dan peluang kenaikan pangkat.
- Keselamatan Pekerjaan dan Perlindungan Terhadap Pemecatan Tidak Adil: Jaminan prosedur yang adil dalam menguruskan perkara berkaitan disiplin pekerja.

Polisi ini akan diterapkan dalam semua operasi Duopharma, manakala mekanisme pematuhan Polisi akan ditubuhkan bagi tujuan pemantauan terhadap pematuhan Polisi.

Pekerja digalakkan untuk melaporkan sebarang pelanggaran terhadap Polisi ini melalui proses yang telah ditetapkan, tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Semua pekerja perlu mematuhi Polisi dan tiada pengecualian diberikan, kecuali dalam keadaan luar biasa atau konflik undang-undang yang diluluskan oleh Pengarah Urusan Kumpulan.

Sila rujuk juga kepada Polisi Hak Pekerja Duopharma Biotech.



DUOPHARMA

www.duopharmabiotech.com